

16 APR 1997

ALLAHYARHAM TAN SRI YAHAYA TOKOH EKONOMI LUARBIASA

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad adalah tokoh ekonomi Melayu yang luarbiasa dan kematiannya merupakan kehilangan yang besar bagi negara, kata pengerusi Kumpulan DRB-HICOM, Datuk Mohd Saleh Sulong.

"Negara perlu tokoh yang sedemikian," beliau memberitahu pemberita selepas pelancaran Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di sini hari ini.

Katanya sesiapa yang mengenali Allahyarham akan menyukai beliau kerana prestasi dan personalitinya. "Beliau tidak saja mempunyai perniagaan sendiri tetapi juga meluangkan masa untuk berbakti kepada masyarakat," tambahnya lagi.

Allahyarham Tan Sri Yahaya terbunuh dalam satu nahas helikopter pada 3 Mac 1997.

Menurut Saleh lagi banyak yang hendak dicapai oleh allahyarham selaku pengerusi Dewan Perniagaan and Industri Kebangsaan (NCCIM) dan banyak yang harus dibuat oleh beliau selaku pengerusi DRB-HICOM.

"DRB-HICOM di ambil alih pada 20 Mac 1996 and beliau meninggal tidak sampai setahun kemudian. Banyak yang perlu dibuat yang telah diamanatkan kepada saya," katanya lagi.

Menurutnya beliau mempunyai kerjasama serta aturan kerja yang baik bersama-sama Allahyarham dulu.

Sementara itu, di majlis yang sama Anugerah Gallery Sdn Bhd telah menganjurkan acara "Tokoh-Tokoh Pencapai Ekonomi Bumiputera," bagi mengenang jasa Allahyarham. -- BERNAMA

SHO MA